

Ke arah masyarakat inovatif dan kreatif

Bahagian 1



Dr. Ali Qassem

www.aliqassem.com

Golongan cendekiawan mentakrifkan kreativiti sebagai, “Kecenderungan untuk menjana atau mengiktiraf idea, alternatif, atau kemungkinan yang mungkin berguna dalam menyelesaikan masalah, berkomunikasi dengan orang lain, dan memperbaiki gaya hidup.”

Wikipedia pula mendefinisikan kreativiti sebagai, “satu fenomena di mana seseorang mencipta sesuatu yang baru (produk, penyelesaian, kerja-kerja seni, novel, jenaka, dan sebagainya).”

Apabila kita memandang ke sekeliling, kita akan ternampak produk baru, idea baru, ciptaan baru dan perkhidmatan baru. Kesemua itu adalah inovasi, teknologi, penciptaan dan era pembangunan yang pesat, yang sangat berbeza dengan era yang sebelum ini.

Kita hidup dalam dunia yang sangat memerlukan individu dan masyarakat yang kreatif yang boleh menyumbang kepada peningkatan nilai ekonomi

Pada masa yang sama, kita, manusia, dilahirkan dengan 4 tahap kapasiti. Mereka adalah *IQ (Intelligence Quotient)*, *BQ (Body Intelligence Quotient)*, *SQ (Spiritual Intelligence Quotient)*, dan *EQ (Emotional Intelligence Quotient)*

Kita adalah makhluk yang mempunyai pemikiran, hati nurani, kemampuan membuat penaaakulan, kemampuan untuk memilih dan berkeupayaan untuk membangunkan sesuatu idea serta menggunakan idea tersebut bagi mencapai objektif dan matlamat.

Selain daripada itu, kita adalah makhluk yang luar biasa dan mempunyai keunikan serta naluri yang berbeza. Kita dikurniakan dengan kuasa luar biasa yang tiada pada spesies lain; iaitu kuasa imaginasi.

Kuasa imaginasi adalah kuasa yang menjana kreativiti yang boleh membawa kepada sebuah perjalanan yang memberangsangkan. Kreativiti dapat menghubungkan kita dengan sesuatu yang tidak diketahui dan ini bermula dengan sumber yang paling berkuasa - minda kita.

Imaginasi minda kita tidak ada batasannya. Christian D. Larson, penulis "How The Mind Works", menyatakan, "Ia kini adalah satu fakta bahawa kuasa dan kemungkinan yang wujud dalam minda manusia tidak ada batasannya. Dan kesimpulan ini adalah berdasarkan dari penemuan dalam sifat semulajadi manusia yang sememangnya tidak ada had, dan dalam sifat manusia mengandungi kapasiti terpendam untuk pembangunan yang berterusan."

Penemuan ini membolehkan manusia memberikan konsep baru kepada diri sendiri, satu konsep yang apabila digunakan sememangnya akan merevolusikan seluruh pemikiran dan tindakan manusia.

Namun, daripada lebih dari 200 negara, hanya 82 buah negara yang dianggap negara inovatif.

Menurut *Organization for Economic Co-operation and Development (OECD)* dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 20 buah negara inovatif yang berada di tangga teratas adalah seperti berikut :

1. Sweden
2. Finland
3. United States
4. Switzerland
5. Netherlands
6. Singapore
7. Canada
8. United Kingdom
9. Norway
10. New Zealand
11. Luxembourg
11. Denmark
13. Taiwan
14. Iceland
15. Japan
16. Hong Kong
17. Australia
18. Ireland
19. Korea

20. Germany

Persoalannya, mengapa bukan kesemua negara dianggap begara inovatif ?

Ini akan mengambil masa yang berpanjangan untuk menjelaskan persoalan ini. Namun saya telah membuat beberapa kesimpulan untuk menjelaskan persoalan ini.

Bersambung...